



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
UNIT INTEGRITI,
TINGKAT 7,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

selangorkerajaan

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Rujukan kami : IPK.SEL.INT 100-1/8/1 bil. (2)

Tarikh : 27 Muharram 1436H

20 November 2014

SENARAI SEPERTI EDARAN

YB Dato'/Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENETAPAN WAKTU MAKAN/MINUM PAGI BAGI WARGA KERJA
JABATAN/AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti YB Dato'/Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, surat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor bertarikh 1 Jun 2009 mengenai perkara di atas telah menetapkan waktu minum pagi dan makan tengah hari bagi warga kerja Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran SUK Selangor seperti berikut:

Bil	Sesi	Waktu	Tempoh
1	Minum Pagi	10.00 – 10.30 pagi	30 minit
2	Minum Pagi	10.30 – 11.00 pagi	30 minit
3	Makan Tengah hari	1.00 – 2.00 tengah hari	1 jam

3. Hasil daripada tinjauan Pentadbiran ini dan juga teguran daripada pihak pengurusan atasan, didapati masih ramai warga kerja yang berada di kantin pada waktu-waktu selain daripada ketiga-tiga tempoh waktu makan di atas. Sehubungan itu, YB Dato'/Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan warga kerja di jabatan YB Dato'/Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan mematuhi arahan waktu makan dan minum pagi yang telah ditetapkan di atas. Dalam hal ini, Pentadbiran ini akan melaksanakan pemeriksaan mengejut di premis-premis makanan pejabat dari semasa ke semasa. Tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam dan peraturan tatatertib yang berkenaan (pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun negeri) boleh diambil terhadap mana-mana warga kerja yang gagal mematuhi arahan tersebut.

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

**PENETAPAN WAKTU MAKAN/MINUM PAGI BAGI WARGA KERJA
JABATAN/AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**

4. Sekian untuk perhatian YB Dato'/Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan sewajarnya.


Sekian, Terima kasih.

"KEJUJURAN & KETEKUNAN"

"TERBAIK DARIPADA KAMI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(GAYATHRI PRASENA A/P JAYA KUMAR)

Unit Integriti

b.p Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Salinan kepada :

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
2. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)
3. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan)
4. Fail timbul